

NIOSH UPDATES

Issue 01, Volume 11, 2018

PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)



PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

Kecemasan atau bencana adalah kejadian tidak dirancang yang boleh berlaku pada bila-bila masa. Sesuatu insiden kecemasan atau bencana akan merugikan syarikat dari segi harta benda, wang, masa, pekerja dan lain-lain.

Sehubungan itu, adalah penting untuk sesebuah syarikat memastikan perancangan rapi dilakukan untuk menangani sesuatu kecemasan/bencana. ERP yang efektif akan memberi faedah berikut kepada syarikat :-

- berupaya mengawal keadaan kecemasan/bencana.
- mengurangkan kadar kerosakan harta benda.
- mengurangkan jumlah pekerja yang mungkin tercedera/mengalami kecederaan teruk.

BEBERAPA GARIS PANDUAN ASAS UNTUK MEMBANGUNKAN ERP DI TEMPAT KERJA

1. Kenal pasti keadaan

Mengenal pasti keadaan yang diklasifikasikan sebagai kecemasan / bencana hingga memerlukan tindakan segera seperti pengungsian (*evacuation*) bangunan. Contoh keadaan yang boleh diklasifikasikan sebagai kecemasan/bencana adalah :-


- Kebakaran
- Letupan
- Tumpahan/kebocoran bahan kimia berbahaya
- Banjir
- Ancaman bom
- Gempa bumi
- Terperangkap di dalam lif

PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

2. Kenal pasti laluan

Mengenal pasti laluan kecemasan dan laluan alternatif sekiranya berlaku sesuatu kecemasan. Perkara yang perlu diberi perhatian berkaitan dengan laluan kecemasan adalah:-

- ✓ Pastikan tanda arah laluan kecemasan di tanda dengan jelas. Contohnya dengan meletakkan garisan kuning pada lantai; lampu kecemasan; tanda "emergency exit" di pintu laluan kecemasan dan lain-lain.
- ✓ Laluan kecemasan perlu dilakarkan dan dipamerkan di tempat kerja. Pekerja dan pelawat perlu dimaklumkan berkaitan laluan kecemasan dan tempat berkumpul sekiranya berlaku kecemasan.
- ✓ Memastikan laluan kecemasan yang ditetapkan tidak mendedahkan pekerja/pelawat kepada hazard/bahaya lain di tempat kerja.
- ✓ Memastikan laluan kecemasan ; pintu kecemasan tidak dihalang oleh objek-objek lain.



Contoh: Pelan Tindakan Kecemasan

PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

3. Kenal pasti Agensi yang perlu dihubungi

Mengenal pasti agensi yang perlu dihubungi sekiranya berlaku kecemasan / bencana.

- ✓ BOMBA
- ✓ Polis
- ✓ Hospital
- ✓ Jabatan Alam Sekitar

4. Mewujudkan struktur organisasi

Mewujudkan struktur organisasi di dalam syarikat yang hanya khusus untuk melaksanakan / mengendalikan ERP di tempat kerja. Di antara ahli-ahli yang perlu diadakan struktur organisasi tersebut adalah:-

- ✓ Emergency Response Team (Fire fighting team & Rescue team);
- ✓ First Aider Team;
- ✓ Emergency Commander;
- ✓ Liaison Officer;
- ✓ HR Officer and etc.



Contoh Struktur Organisasi ERT

PELAN TINDAKAN KECEMASAN (ERP)

5. Mewujudkan prosedur ERP

Mewujudkan prosedur ERP dengan menyenaraikan langkah-langkah yang wajar diambil mengikut jenis-jenis kecemasan yang telah dikenal pasti sebelum ini.

6. Mewujudkan prosedur pengiraan pekerja

Mewujudkan prosedur untuk pengiraan pekerja di tempat berkumpul (assembly area).

7. Menyediakan latihan secara teori dan praktikal

Menyediakan latihan secara teori dan praktikal kepada pekerja. Contohnya pekerja boleh dilatih menggunakan alat pemadam api.

8. Memberi latihan kepada pekerja

Memberi latihan kepada pekerja, Fire Fighting Team, Rescue Team, 1st Aider Team tentang ERP dan latihan berkaitan untuk memastikan setiap yang dilantik kompeten melaksanakan tugas masing-masing. Setelah diberi latihan kepada semua ahli pasukan, majikan boleh merancang untuk mengadakan latihan kecemasan untuk memastikan setiap ahli pasukan boleh mengamalkan apa yang dipelajari secara praktikal.

9. Memberi latihan kecemasan

Membuat latihan kecemasan iaitu "mock drill" sekurang-kurangnya setahun sekali. "Mock drill" yang dilakukan boleh juga melibatkan agensi kerajaan seperti BOMBA dan pihak hospital. Penilaian perlu dilakukan setiap kali latihan diadakan. Ini bertujuan untuk memastikan penambahbaikan dapat dilakukan di masa hadapan.



Safety-I and Safety-II: The Past and Future of Safety Management

1st Edition, Kindle Edition

by Erik Hollnagel (Author)

Safety has traditionally been defined as a condition where the number of adverse outcomes was as low as possible (Safety-I). From a Safety-I perspective, the purpose of safety management is to make sure that the number of accidents and incidents is kept as low as possible, or as low as is reasonably practicable. This means that safety management must start from the manifestations of the absence of safety and that - paradoxically - safety is measured by counting the number of cases where it fails rather than by the number of cases where it succeeds. This unavoidably leads to a reactive approach based on responding to what goes wrong or what is identified as a risk - as something that could go wrong.

Focusing on what goes right, rather than on what goes wrong, changes the definition of safety from 'avoiding that something goes wrong' to 'ensuring that everything goes right'. More precisely, Safety-II is the ability to succeed under varying conditions, so that the number of intended and acceptable outcomes is as high as possible. From a Safety-II perspective, the purpose of safety management is to ensure that as much as possible goes right, in the sense that everyday work achieves its objectives. This means that safety is managed by what it achieves (successes, things that go right), and that likewise it is measured by counting the number of cases where things go right. In order to do this, safety management cannot only be reactive, it must also be proactive. But it must be proactive with regard to how actions succeed, to everyday acceptable performance, rather than with regard to how they can fail, as traditional risk analysis does.

This book analyses and explains the principles behind both approaches and uses this to consider the past and future of safety management practices. The analysis makes use of common examples and cases from domains such as aviation, nuclear power production, process management and health care. The final chapters explain the theoretical and practical consequences of the new perspective on the level of day-to-day operations as well as on the level of strategic management (safety culture).

Safety-I and Safety-II is written for all professionals responsible for their organisation's safety, from strategic planning on the executive level to day-to-day operations in the field. It presents the detailed and tested arguments for a transformation from protective to productive safety management.

**BOOK
REVIEW**



Continue...

Safety-I and Safety-II: The Past and Future of Safety Management

1st Edition, Kindle Edition

Editorial Reviews

Review

'Much more than a technical book. Erik's work is a well documented journey into the multiple interactions between safety, work and human nature. A timely contribution to vindicate human beings and their variability from the one sided focus on the evils of human error. A groundbreaking look at the other story; that will certainly contribute to safer and more productive workplaces.' Dr Alejandro Morales, Mutual Seguridad, Chile 'Safety needs a new maturity. We can no longer improve by simply doing what we have been doing, even by doing it better. Dr Hollnagel brings forth new distinctions, interpretations, and narratives that will allow safety to progress to new unforeseen levels. Safety II is more than just incident and accident prevention. A must read for every safety professional.' Tom McDaniel, Global Manager Zero Harm and Human Performance, Siemens Energy, Inc., USA 'If you want to belong to the future of safety management, Erik Hollnagel argues, you pretty much know where to stand. It is called Safety II.' --Journal of Contingencies and Crisis Management, July 2014.

'Although someone may judge from the book title that the author refers to a new methodology for managing safety, Hollnagel's work is definitely more than this. The specific book recommends a new way of thinking and approaching safety itself, prior to attempting to manage it. The real life examples and the smooth introduction of the reader to safety related concepts, which are based on broad and solid theoretical and empirical bases, are just few of the strong points in Hollnagel's book.' --Newsletter of the Europe Chapter of the Human Factors and Ergonomics Society, no. 2, 2014.

BOOK
REVIEW



About the Author

Erik Hollnagel (Ph.D., psychology) is Professor at the Department of Regional Health Research, University of Southern Denmark and Chief Consultant at the Centre for Quality, Region of Southern Denmark. He is also Professor Emeritus at University of Linköping (Sweden), and Visiting Fellow of the Institute for Advanced Study of the Technische Universität München (Germany). He has since 1971 worked at universities, research centres, and industries in several countries and with problems from many domains, including nuclear power generation, aerospace and aviation, air traffic management, software engineering, healthcare, and land-based traffic. His professional interests include industrial safety, human factors, resilience engineering, systems theory, and functional modelling. He has published more than 350 papers and authored or edited 20 books, some of the most recent titles being Resilient Health Care (Ashgate, 2013), The Functional Resonance Analysis Method (Ashgate, 2012), and Resilience Engineering in Practice (Ashgate, 2011). Erik Hollnagel is also Editor-in-chief of Ashgate Studies in Resilience Engineering.

Product details

File Size: 6753 KB

Print Length: 201 pages

Page Numbers Source ISBN: 1472423054

Publisher: Ashgate; 1 edition (May 28, 2014)

Publication Date: May 28, 2014

Sold by: Amazon Digital Services LLC

Language: English

ASIN: B00KCJYTNI



Headline : Perlu dapat pentauliahian DOSH
Publication : Harian Mento
Date : 06 January 2018
Page : 36

Kuala Lumpur

Perlu dapat pentauliahian DOSH

HM 36 6/1/18

Pengendali kren pembinaan mestilah mendapat pentauliahian Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) manakala syarikat yang mengendalikan kren pula perlu berdaftar dengan DOSH.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye berkata, tindakan tegas perlu diambil terhadap pengendali kren yang gagal mengendalikan kren dengan selamat.

"Keselamatan di tapak pembinaan tidak boleh dikompromi kerana terlalu banyak nyawa yang akan dipertaruhkan. Pihak berkuasa perlu memastikan hanya pengendali kren bertauliah diambil bekerja oleh kontraktor manakala pegawai penyelia tapak



LEE

pembinaan pula perlu sentiasa memeriksa keadaan kren.

"Pihak berkuasa juga harus memantau dan menguatkuasakan undang-undang dengan ketat berdasarkan Akta Kilang dan Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994," katanya dalam satu kenyataan.

Headline : Kaki wanita putus tersepit pintu lif
Publication : Kosmo
Date : 04 January 2018
Page : 46

Kaki wanita putus tersepit pintu lif

KOSMO 46
4/1/18

SHANGHAI, China – Seorang wanita di sini mendakwa kakinya terputus akibat tersepit di antara pintu lif baru-baru ini.

Rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) menunjukkan wanita berambut pendek itu sedang melihat telefon bimbitnya ketika berjalan masuk ke dalam lif sebelum tersadung dan jatuh ke lantai.

Susulan itu, kakinya tersepit di antara pintu lif yang tiba-tiba bergerak ke atas.

Menurut platform perkongsian video China, Iqiyi, wanita itu sedang melihat telefon bimbitnya dan tidak menyedari lif berkenaan mula bergerak ketika dia berjalan masuk.

Seorang lagi wanita di belakangnya bernasib baik dan terlepas daripada situasi bahaya itu apabila dia tidak berjalan beriringan dengan mangsa.

Lif tersebut berhenti kira-kira 30 saat

kemudian sebelum wanita itu dirakam cuba menggerakkan kakinya. Bagaimanapun, betis kanannya dilihat telah terputus.

Kejadian itu dilaporkan berlaku di Bangunan Conch di Jalan Zhongshan Barat, Shanghai pada 21 Jun tahun lalu namun rakaman videonya disiarkan baru-baru ini.

Tiada maklumat lanjut didedahkan dan tidak jelas sama ada wanita itu selamat atau tidak. – Agensi



KAKI seorang wanita dirakam tersepit di pintu lif.



SAAT-SAAT ketika wanita malang itu tersadung dan jatuh sebaik pintu lif terbuka.

*Malaysian
Cutting*

Headline : Kren runtuh: Seorang pekerja maut, 3 cedera
Publication : Utusan Malaysia
Date : 03 January 2018
Page : 06

Kren runtuh: Seorang pekerja maut, 3 cedera

Oleh **ABDUL YAZID ALIAS**
pergaulan@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 2 JAN.

S EORANG lelaki warga Indonesia maut manakala tiga lagi rakan sekerjanya parah selepas kren di atas sebuah bangunan yang sedang dalam pembinaan tiba-tiba runtuh di i-City, Seksyen 7, di sini pagi ini.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.30 pagi itu, keempat-empat mangsa yang merupakan pekerja pembinaan berusia dalam lingkungan 30-an sedang menjalan-

kan rutin harian di kawasan Tapak Pembinaan Plot 3, sebelum kren setinggi 50 meter itu terjatuh dan menghempap mereka.

Ketua Polis daerah, Asisten Komisioner Shafien Mamat berkata, mangsa yang dikenali sebagai Matias meninggal dunia semasa dalam perjalanan ke Hospital Shah Alam (HSA) akibat kecederaan parah di bahagian kepala, badan, serta kaki.

"Pada masa yang sama, seorang lagi rakan senegara mangsa ketika ini berada dalam keadaan kritikal dan sedang menjalani rawatan lanjut di HSA.

"Dua lagi pekerja yang meru-

pakkan warga Bangladesh dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HITAR), Klang dengan seorang daripadanya mengalami patah kaki. Kedua-duanya bagaimanapun stabil," katanya ketika hubungi di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Shafien memberitahu, ketika kejadian kesemua mangsa berada di tapak pembinaan bangunan berkenaan yang baharu sahaja selesai pekerja menyiapkan tingkat satu.

Tambahnya, pihaknya masih meneruskan siasatan lanjut dan kes itu buat masa ini diklasifikasi sebagai kematian mengejut.



KEADAAAN kren menara yang runtuh dan mengorbankan seorang pekerja sebuah tapak pembinaan di Seksyen 7, Shah Alam, Selangor, semalam.

*Wawancara
Daring*

Headline : Spotlight on construction sites after crane death
Publication : New Sunday Times
Date : 07 Januari 2018
Page : 20

WORKER KILLED

SPOTLIGHT ON CONSTRUCTION SITES AFTER CRANE DEATH

THE incident on Tuesday — where an Indonesian construction worker was killed and three other migrant workers were injured after being hit by a falling construction crane in Shah Alam — has again raised concerns about safety in construction sites.

The National Institute of Occupational Safety and Health supports the Selangor Department of Occupational Safety and Health's (DOSH) action to issue a stop-work order on the construction site in Section 7 to facilitate an investigation.

The department's preliminary investigation found failure in the structure of the machine and is carrying out further investigation.

Construction crane operators

must be certified competent by DOSH, while companies operating cranes must register with DOSH.

The authorities must ensure that only certified crane operators are employed by contractors, while site officers must check on cranes daily.

The authorities must monitor and enforce laws and regulations under the Factories and Machinery Act 1967 and the Occupational Safety and Health Act (OSHA) 1994.

The Construction Industry Development Board should investigate the latest incident and the public should be informed of the findings.

Action must be taken against crane operators who fail to operate cranes safely. Safety in construction sites must never be



A construction worker was killed and three others injured by a falling crane in Shah Alam on Tuesday. PIC COURTESY OF POLICE

compromised.

Based on OSHA 1994, the main contractor, as the employer, is responsible for ensuring the safe use of the tower crane in construction sites.

The Factories and Machinery Act 1967 requires the tower crane to be installed, maintained and dismantled by a competent com-

pany that is registered with DOSH.

The company has to be appointed by the main contractor to carry out periodical maintenance of the crane.

Anyone found violating the order could be charged under the Factories and Machinery Act 1967 and face a fine of not more

than RM200,000, or imprisonment of up to five years, or both, if found guilty. Public confidence in crane operations in construction sites must be addressed before more accidents occur.

TAN SRI LEE LAM THYE

Chairman, National Institute of Occupational Safety and Health

Newspaper Cutting

Headline	: NIOSH gesa kerajaan senarai hitam kontraktor cuai
Publication	: Utusan Malaysia
Date	: 11 Januari 2018
Page	: 09

NIOSH gesa kerajaan senarai hitam kontraktor cuai

UM 9 11/18

KUALA LUMPUR 10 Jan. - Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menggesa kerajaan menyenarai hitam kontraktor atau pengendali projek pembinaan yang gagal mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) sehingga menyebabkan kemalangan nyawa berlaku.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, tindakan tegas tersebut perlu diambil kerana soal keselamatan dan nyawa tidak boleh dikompromi sekaligus memberi pengajaran kepada pihak pengendali supaya tidak mengulangi kesilapan tersebut.

"Kontraktor atau pengendali ini perlu disenarai hitam dan se-

narai itu dapat diakses oleh orang awam terutamanya pemaju supaya mereka tidak mendapatkan khidmat kontraktor ini di masa akan datang.

"Kekerapan berlakunya kejadian tersebut ketika ini membuktikan terdapat kecuaiannya yang dilakukan oleh penyelia tapak pembinaan yang tidak mengamalkan etika kerja baik dan keselamatan tapak pembinaan yang telah ditetapkan oleh kerajaan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai be-

berapa kejadian struktur bangunan runtuh dan kren tumbang di tapak-tapak pembinaan sehingga mengorbankan nyawa pekerja-pekerja pembinaan baru-baru ini.



LEE LAM THYE

Selain itu, Lam Thye turut menyeru pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) untuk meningkatkan pemantauan terhadap projek-projek pembinaan yang sedang dijalankan bagi memastikan mereka mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

"Pemeriksaan dan pemantauan secara mengejut perlu di-

lakukan di tapak-tapak pembinaan secara berkala oleh DOSH untuk mengelakkan kontraktor atau pengendali projek ini mengamalkan sikap sambil lewa terhadap aspek keselamatan.

"Ia amat penting kerana kemalangan di tapak projek bukan hanya melibatkan nyawa pekerja sahaja, tetapi juga meragut nyawa orang awam," ujarnya.

Oleh itu, beliau berkata, penyelia atau pengendali projek berperanan penting dalam mewujudkan suasana etika kerja yang baik dan berpandukan prosedur keselamatan bagi mengurangkan risiko terhadap para pekerja dan orang awam.

Mewujudkan Budaya Keselamatan

Headline : Buruh maut, struktur bangunan runtuh
Publication : Utusan Malaysia
Date : 11 Januari 2018
Page : 09

Buruh maut, struktur bangunan runtuh

Oleh **BASIR ABU BAKAR**
pena@angkuutusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 9 JAN.

S EORANG pekerja binaan warga Bangladesh maut tertimbus selepas sebahagian struktur bangunan Pencawang Masuk Utama Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk Transit Aliran Massa (MRT) Cochrane yang sedang dalam pembinaan di Jalan Cochrane, Cheras di sini runtuh petang ini.

Runtuhan kira-kira pukul 5 petang itu melibatkan tingkat tiga bangunan di mana mangsa sedang melakukan kerja pembinaan di situ.

Pegarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Kuala Lumpur, Khirudin Drahman berkata, runtuhan itu menyebabkan struktur binaan di tingkat dua juga runtuh ke tingkat satu dan mangsa yang tidak sempat menyelamatkan diri tertimbus.

"Pihak bomba yang menerima panggilan kecemasan menghantar dua jentera masing-masing dari Balai Bomba dan Penyelamat Pudu dan Hang Tuah ke lokasi kejadian untuk melakukan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Difahamkan, sehinggalah pukul 10 malam ini pasukan bomba masih berusaha mengeluarkan mayat mangsa.

Sementara itu, TNB dalam satu kenyataan hari ini memberitahu, runtuhan yang dipercayai melibatkan perancah tapak lantai di tingkat tiga itu berlaku ketika kontraktor sedang melakukan kerja-kerja menuang konkrit di tingkat tersebut.

"Tabap kerosakan akibat runtuhan dan punca kejadian masih dalam siasatan," jelas kenyataan itu.



ANGGOTA bomba dan penyelamat melakukan kerja-kerja mencari mangsa tertimbus akibat runtuhan struktur bangunan di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur, semalam.

*Malaysian
Daily*

Headline : 12 jam terkubur
Publication : Harian Metro
Date : 11 Januari 2018
Page : 06

12 jam terkubur

■ Anggota bomba bertungkus-lumus keluaran mayat pekerja binaan warga Bangladesh

Nurul Hidayah Bahaudin
nurulhidayah@metro.com.my

Kuala Lumpur

Anggota bomba terpaksa bertungkus-lumus lebih 12 jam sebelum berjaya mengeluarkan mayat pekerja binaan warga Bangladesh yang dibenap rumahian bangunan dalam pembinaan di Jalan Cochrane, Cheras di sini, semalam.

Mayat mangsa, Akher Hossin, 20, berjaya dikeluarkan pada jam 5.23 pagi selepas kerja mencari dan menyelamatkan dimulakan jam 5 petang kelmarin.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Padu Arman Mahad berkata, operasi mengeluarkan mayat mangsa berdepan kesukaran berikutan sisa runtuhan yang besar menindih tubuh mangsa.

Menurutnya, anggota bomba terpaksa menggunakan kaedah manual untuk mengeluarkan mayat mangsa memandangkan struktur lantai bangunan itu tidak stabil.

"Sisa runtuhan batu dan konkrit menghempag mangsa menyukarkan kami mengeluarkan mayat itu."

Bagaimanapun, selepas 12 jam anggota bomba bertungkus-lumus menjalankan kerja mengeluarkan sisa runtuhan, kami akhirnya berjaya mengeluarkan ma-

yat mangsa pada jam 5.23 pagi semalam," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian.

Arman berkata, berdasarkan vasarian, mangsa dikatakan berada di tingkat tiga sebelum berlaku runtuhan menyebabkan dia dibenap sisa runtuhan.

"Selatan mendapan lantai yang runtuh hanya membolehkan tingkat dua atau 20 peratus daripada keseluruhan bangunan," katanya.

Tetapi kejadian bersemita, seorang pekerja binaan warga Indonesia cedera selepas perancah bangunan dalam pembinaan runtuhan bertampanan Kilometer 23, Lebuhraya Grand Saga, Kajang, Selangor kira-kira jam 5 petang kelmarin.



Anggota bomba membawa keluar mayat warga Bangladesh yang terkubur dalam bangunan konkrit selepas 12 jam operasi.

Ketua Kawang Penguasaan Operasi dan Balai Jabatan Bomba Penyelamat Selangor Alimuddin Bukri berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan bertampanan kejadian itu pada jam 5.28 petang.

"Beramal 12 anggota bersama dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Ka-

jang dikerahkan ke lokasi kejadian.

"Selepas tiba di lokasi kejadian, kami mendapati perancah pada tingkat dua bangunan terbahir runtuhan menyebabkan mangsa, Gunawan, 34, cedera, manakala raih lagi pekerja binaan sempat menyelamatkan diri," katanya.



ANGGOTA bomba berusaha membawa keluar mayat mangsa.

Gesa cari langkah kurang kemalangan

Kuala Lumpur: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) digesa mencari langkah terbaik mengurangkan kadar kemalangan di tapak pembinaan.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara UNOSH Tan Sri Lee Lam Thye berkata, masalah itu perlu diatasi dengan segera bagi membendung peningkatan kadar kemalangan.

"Setiap tahun, panti

ada ketidaksi membabitkan kemalangan di tapak pembinaan dilaporkan sama ada mangsa kehilangan nyawa atau sebaliknya. Perkara ini sekali gus menyebabkan wusuh triguna dan perasaan takut dalam kalangan orang ramai ketika mereka melalui tapak pembinaan.

"Ini menunjukkan perkara ini semakin serius dan perlu ditangani segera oleh kedua-dua jabatan itu dari segi tindakan undang-undang dan kemahiran pembinaan dalam usaha mengurangkan kadar kemalangan di tapak pembinaan," katanya ketika ditubungi, semalam.



LEE

Wawancara
Daring

Headline : Pastikan keselamatan di tapak pembinaan
Publication : Utusan Malaysia
Date : 12 Januari 2018
Page : 10

Pastikan keselamatan di tapak pembinaan



WALAUPIUN isu keselamatan di tapak pembinaan sering ditimbulkan oleh pelbagai pihak termasuk media, isu tersebut masih terus mengancam kita seolah-olah tiada apa yang salah kita pelajari daripada insiden insiden terdahulu.

Insiden maut terbaharu di mana seorang pekerja pembinaan Indonesia terbunuh dan tiga pekerja asing lain cedera apabila sebuah kren tumbang di Shah Alam sekali lagi menimbulkan kebimbangan mengenai aspek keselamatan di tapak pembinaan.

Dalam kejadian kira-kira pukul 10.30 pagi Selasa 2 Januari lalu, mangsa, dikenali sebagai Matias, 38, meninggal dunia semasa menjalani rawatan di Hospital Shah Alam, manakala seorang lagi pekerja Indonesia serta dua pekerja Bangladesh yang cedera parah dirawat di hospital sama.

Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) menyokong penuh tindakan segera Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Selangor mengesahkan arahan berkuatkuza di tapak pembinaan di Selangor 2 itu bagi membantu siasatan mereka.

Dibandingkan siasatan awal JKPP Selangor menunjukkan terdapat kegagalan dalam struktur jenama tersebut dan siasatan lanjut sedang dijalankan.

Sebagai diperuntukkan undang-undang, semua pengendali peralatan pembinaan mestilah mendapat pentauliahan JKPP, manakala syarikat-syarikat yang mengendalikannya pula perlu berdaftar dengan JKPP.

Pihak berkuasa perlu memastikan hanya pengendali mesin bertauliah diambil bekerja oleh kontraktor, manakala pegawai tapak pembinaan pula perlu sentiasa memeriksa keadaan mesin dan peralatan tersebut.

Pihak berkuasa juga harus memantau dan mengautokoskan undang-undang dengan ketat berdasarkan Akta Kilang dan jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994.

Saya juga berharap pihak polis, JKPP dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)



SEBUAH kren maut di sebuah tapak pembinaan di Selangor 7 hari yang lalu mengakibatkan seorang pekerja warga Indonesia maut, manakala tiga rakannya dalam satu kejadian di Shah Alam, 2 Januari lalu. -UTUSAN/AHMAD SHAHREMAN SHAMSUDDIN

akan menyalahi insiden terbaharu ini dan orang ramai harus dimaklumkan tentang pemenuhan mereka kerana ini adalah isu berkaitan kepentingan awam.

Tindakan tegas perlu diambil terhadap kontraktor yang tidak kompeten dan gagal melaksanakan kerja dengan selamat. Keselamatan di tapak pembinaan tidak boleh dikompromi kerana terlalu banyak nyawa akan dipertaruhkan.

Berdasarkan OSHA 1994, kontraktor utama sebagai majikan bertanggungjawab memastikan semua mesin dan peralatan berada dalam keadaan selamat di tapak pembinaan.

Akta Kilang dan Jentera 1967 pula, menetapkan mesin dan peralatan terbahut hanya boleh dipasang, diselenggarakan dan dibuka oleh sebuah syarikat yang kompeten dan berdaftar dengan JKPP.

Syarikat tersebut perlu dilantik kontraktor utama untuk menjalankan pemeliharaan berkala bagi mesin dan peralatan terbahut untuk memastikan ia selamat digunakan.

Mereka yang didapati melanggar peraturan itu boleh dikenakan denda atau penjara atau kedua-duanya, jika di dapat hersehah.

Insiden di Padang Merdeka, Ruchling bulan lalu turut membuktikan betapa lemahnya aspek pencegahan kemalangan ini. Dalam insiden yang berlaku pada 26 Disember 2017, seorang lelaki maut setelah motosikal ditunggangnya terjatuh ke dalam

lubang sistem saliran dan perputaran yang sedang diselenggarakan.

Kontraktor terbahut sepatutnya meletakkan papan tanda amaran jelas di lokasi strategik, manakala penghadang sesuai perlu diletakkan bagi mengelakkan kenderaan memasuki kawasan berisiko tinggi.

Penghadang konkrit perlu dipasang di kawasan kerja terbahut jika projek berkaitan memerlukan masa yang agak lama untuk diselesaikan.

Pihak berkuasa terbahut pula perlu melaksanakan audit keselamatan bagi memastikan kawasan kerja atau tapak pembinaan tersebut tidak mendatangkan bahaya kepada pekerja dan orang ramai.

Pada permulaan tahun baharu ini, setiap rakyat perlu berazam untuk menjadikan Malaysia lebih selamat, bukan sahaja daripada aktiviti jenayah tetapi juga tragedi yang kita sendiri menjadi penyebabnya termasuk di tapak pembinaan.

Setiap hari mdatang, adalah penting bagi semua rakyat Malaysia untuk mengambil iktibar bahawa kemalangan boleh berlaku jika kita tidak mahu belajar daripada pengalaman.

Harap bahawa masih ada kemalangan yang menyebabkan kecederaan dan kematian di tempat kerja menunjukkan semangat kita untuk menjadikan budaya penyelenggaraan dan keselamatan sebagai sebahagian cara hidup.

Kita sebenarnya harus memikul tanggungjawab apabila berlaku kejadian bangunan atau struktur runtuh, kerosakan atau

sekitar atau kematian dan kematian di tempat kerja.

Kita tidak boleh sewenang-wenangnya memalakan alam semula jadi atau peralatan kerja apabila kemalangan berlaku.

Kita perlu sedar bahawa jika kita tidak mengurangkan aspek keselamatan dengan baik, kemalangan boleh berlaku di tempat kerja.

Kerajaan telah membelanjakan berbilion-bilion ringgit untuk pembangunan tetapi apa yang amat vital aspek keselamatan di tempat kerja termasuk di tapak pembinaan masih kurang diberi perhatian.

Sikap sebagai perlu dipertingkatkan dan usaha perlu dilakukan untuk menyemai budaya keselamatan dan kesihatan di tempat kerja yang baik dalam kalangan rakyat.

Mereka yang diberikan tanggungjawab untuk memantau pekerjaan dan menyelenggara kemudahan pula perlu melaksanakannya sebaik mungkin.

Pemaju dan kontraktor mesti melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (JKPP) terbaik di tapak pembinaan dan kawasan kerja bagi mengelakkan kemalangan melibatkan pekerja dan orang awam.

Antara lain, mereka perlu mengguna pakai konsep pengenalpastian bahaya, penilaian risiko dan kawalan risiko (HIRARC) yang dapat membantu pekerja dan penyelia mereka untuk mengenal pasti bahaya dan risiko dan mencari cara untuk mengelakannya.

Kita perlu ingat setiap kali berlakunya kemalangan yang membawa kepada kecederaan atau kematian, tragedi tersebut akan turut memberi kesan kepada keluarga mangsa terbahut.

Mereka yang menghasilkan risiko dan bahaya berada dalam kedudukan lebih baik untuk mengurangkan masalah tersebut.

Oleh itu, kontraktor mestilah bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja mereka sentiasa selamat dan sihat.

Walaupun pihak kerajaan mengautokoskan undang-undang, tanggungjawab untuk melaksanakan sistem keselamatan di tapak pembinaan sebenarnya terletak di bahu kontraktor dan subkontraktor.

TAN SHI LEE LAM THYE adalah Pengurus Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH).

Malaysian Building

Headline : Pekerja dihempap komponen kren
Publication : Harian Metro
Date : 14 Januari 2018
Page : 14

Shah Alam

HM 14 3/1/18

Pekerja dihempap komponen kren

Suasana di tapak pembinaan di Seksyen 7 di sini, gempar apabila seorang pekerja asing maut manakala tiga parah selepas dihempap komponen kren, semalam.

Dalam kejadian jam 10.30 pagi itu, lelaki warga Indonesia dikenali sebagai Matrias, 38, sedang menjalankan kerja pembinaan bersama puluhan pekerja lain.

Ketua Polis Daerah, Asisten Komisioner Shafien Mamat berkata, siasatan mendapati komponen kren di tapak pembinaan itu

tiba-tiba tumbang dan menghempap pekerja.

“Keempat-empat lelaki berusia lingkungan 30-an itu dikenal pasti sebagai pekerja tapak pembinaan terbabit dan bukan warga Malaysia

“Dua mangsa warga Indonesia itu dihantar ke Hospital Shah Alam (HSA) manakala dua warga Bangladesh dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang,” katanya.

Menurut beliau, Matrias disahkan meninggal dunia ketika menerima rawatan di HSA.



KEADAAN komponen kren yang tumbang.

Manuscrip Cutting

Headline : Warga Bangladesh cedera tertimbus tanah di Dengkil
Publication : Kosmo
Date : 03 Januari 2018
Page : 09

Warga Bangladesh cedera tertimbus tanah di Dengkil

KOSMO
9
3/1/18

PUTRAJAYA - Seorang lelaki warga Bangladesh cedera setelah tertimbus semasa melakukan kerja-kerja pemasangan paip air bawah tanah di Taman Warisan Bestari, Dengkil dekat sini semalam.

Ketua Cawangan Pengurusan Operasi dan Balai Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Alimaddia Bukri berkata, dalam kejadian kira-kira pukul 11.30 pagi itu, mangsa Md. Forid

Hassan, 24, tertimbus dari paras pinggang ke bawah akibat berlaku pergerakan tanah.

"Satu jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat KLIA telah dikejarkan ke tempat kejadian sebaik menerima panggilan kecemasan pada pukul 11.36 pagi.

"Pihak bomba mengambil masa hampir 15 minit untuk mengeluarkan mangsa secara manual.

"Mangsa bagaimanapun me-

ngalami koyakan dan kecederaan pada muka sebelum dikejarkan ke Hospital Putrajaya untuk rawatan lanjut," katanya.

Menurut beliau, punca sebenar kejadian masih dalam siasatan.

ANGGOTA bomba cuba mengeluarkan seorang pekerja warga Bangladesh yang tertimbus hingga ke paras pinggang di Taman Warisan Bestari, Dengkil semalam.



*Wangpaan
Daring*

Headline : Pekerja Propel maut ketika selenggara lebuh raya
Publication : Kosmo
Date : 10 Januari 2018
Page : 10



Pekerja Propel maut ketika selenggara lebuh raya

Kosmo
10/1/18

SEBERANG PERAI - Seorang pekerja penyelenggaraan lebuh raya maut selepas dirempuh sebuah lori ketika sedang bertugas di Kilometer 14.6, Lebuh Raya Butterworth-Kulim dekat Seberang Jaya di sini semalam.

Dalam kejadian pukul 12.05 tengah hari itu, Mohd. Arif Ghazali, 27, yang merupakan pekerja Projek Penyelenggaraan Lebuh Raya Berhad (Propel) maut di tempat

SEORANG pekerja Propel menutup jasad mangsa dengan baju selepas rakannya itu terbunuh dalam kemalangan di Kilometer 14.6, Lebuh Raya Butterworth-Kulim dekat Seberang Jaya, Seberang Perai semalam.

kejadian sejurus dilanggar oleh sebuah lori.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, pekerja terbabit telah memberhentikan lori bagi melakukan kerja menyelenggara lebuh raya.

"Sebuah kereta jenis Honda Civic telah brek secara mengejut sebaik ternampak mangsa berdiri di tepi jalan. Kemudian, sebuah lori lain datang dari arah sama tak sempat mengelak kereta lalu melanggar kereta itu dan merempuh mangsa sebelum terbabas," katanya.

Mayat mangsa dihantar ke Hospital Seberang Jaya untuk dibedah siasat.

*Malaysian
Daily
Newspaper*

Headline : Dirempuh gagal letak tanda amaran
Publication : Harian Metro
Date : 10 Januari 2018
Page : 09

Dirempuh gagal letak tanda amaran

Bukit Mertajam: Tindakan seorang pekerja Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad (PROPEL) yang memberhentikan kenderaan tanpa meletak tanda amaran mengundang padah apabila dia maut selepas dirempuh lori di Kilometer 14.6, Lebuhraya Butterworth-Kulim (BKE) arah Seberang Jaya di sini, tengah hari semalam.

Kejadian jam 12 tengah hari itu menyebabkan mangsa Mohd Arif Ghazali, 27, meninggal dunia di lokasi kejadian kerana parah di kepala dan badan.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, siasatan mendapati ketika kejadian mangsa mem-

“
UM 9
10/1/18
Lori terbabit merempuh kereta di hadapan sebelum terhabas dan merempuh pula mangsa di kanan jalan”

Nik Ros Azhan

berhentikan kenderaannya untuk membuat penyelenggaraan tanpa meletakkan bendera atau tanda amaran.

Beliau berkata, melihatkan keadaan itu, seorang pemandu kereta yang berada di belakang memberhentikan kenderaan secara mengejut untuk mengelak merempuh mangsa.

“Bagaimanapun, sebuah lori dipandu seorang le-

laki yang berada di laluan sama tidak sempat mengelak kereta di hadapannya itu.

“Lori terbabit merempuh kereta di hadapan sebelum terhabas dan merempuh pula mangsa di kanan jalan,” katanya.

Nik Ros Azhan berkata, polis mengambil keterangan pemandu lori terbabit dan beberapa saksi mendakwa mangsa tidak meletakkan sebarang tanda ketika memberhentikan kenderaan untuk melakukan kerja penyelenggaraan itu.



LORI yang terbabit selepas terbabat roboh yang merempuh penjawat Mohd Arif (gambar bukit)

*Wawancara
Cutting*